



**FAKTOR PENAGIHAN DADAH DALAM KALANGAN PENAGIH DADAH
WANITA DI PUSPEN BACHOK, PENJARA KAJANG DAN PUSAT KHIDMAT
AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN (PKAADK) KUALA LUMPUR**

**Hj. Jamaludin Hj. Ahmad¹, Nor Asida Shafii² &
Tajul Aripin Sulaiman³**

ABSTRAK

Kajian kualitatif yang telah dijalankan ini bertujuan untuk mengkaji faktor penyebab penagihan dadah dalam kalangan penagih wanita dan perbandingan faktor penyebab yang melibatkan tiga organisasi iaitu Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Bachok, Kelantan, Penjara Kajang dan Pusat Khidmat Agensi Antidadah Kebangsaan (PKAADK) Kuala Lumpur. Seramai 99 subjek kajian telah ditemubual secara individu dan kumpulan kecil di mana 14 penagih dadah wanita telah ditemubual secara individu dan seramai 85 panagih wanita secara kumpulan kecil (6 – 10 orang setiap kumpulan). Keseluruhan subjek kajian di PUSPEN Bachok, Kelantan telah dilibatkan (75 orang), 22 subjek kajian dari Penjara Kajang, Selangor dipilih berdasarkan secara rawak mudah dan dua subjek kajian secara sukarela dari PKAADK Kuala Lumpur. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor paling utama keterlibatan penagih wanita ialah faktor diri sendiri (36.25%), diikuti faktor keluarga (13.06%), rakan sebaya (12.86%), perkahwinan (12.28%), pendidikan (6.62%), bahan (5.65%), pekerjaan (5.06%), persekitaran (4.87%), paksaan (2.14%) dan media massa (1.16%). Dapatan juga menunjukkan bahawa ketiga-tiga organisasi yang terlibat menyatakan bahawa faktor penyebab utama keterlibatan wanita dalam penyalahgunaan dadah adalah disebabkan faktor diri sendiri. Berdasarkan

¹ Pensyarah, Prof. Madya Dr., Jabatan Pendidikan Kaunselor dan Psikologi Kaunseling, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia

² Pegawai Kaunseling, Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

³ Pensyarah, Dr., Jabatan Asas, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia



dapatan kajian, beberapa cadangan telah dikemukakan khususnya untuk Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK).

ABSTRACT

This study is aimed to examine the contributing factors of drug addiction among female addicts and the comparison between the contributing factors which involves three organizations, namely Narcotics Addiction Recovery Center (PUSPEN) Bachok, Kelantan, Kajang Prison, Selangor and National Antidrug Service Agency (PKAADK) Kuala Lumpur. A total of 99 subjects were interviewed individually and in focus group (6 – 10 individuals in each group). The study involved all the subjects in the Narcotics Addiction Recovery Center (PUSPEN) Bachok, Kelantan (75 individuals), 22 randomly selected subjects from the Kajang Prison, Selangor and 2 voluntary subjects from the PKAADK Kuala Lumpur. The research findings showed that the main contributing factor of drug addiction among female addicts is themselves (36.25%), followed by family (13.06%), peers (12.86%), marriage (12.28%), education (6.62%), materials (5.65%), environment (4.87%), by force (2.14%) and mass media (1.16%). The research findings also indicated that all the three organizations involved stated that individual themselves is the main contributing factor of drug addiction among female addicts. Based on the research findings, several recommendations were made specifically for the National Antidrug Agency (NADA).

PENGENALAN

Dalam menempuh era globalisasi kini, gejala dadah bukan lagi satu isu baru bagi masyarakat Malaysia. Saban tahun jumlah penagih semakin bertambah tanpa mengira pangkat, keturunan, jantina, usia, bangsa dan agama. Jika dahulu senario penyalahgunaan dadah ini berlaku dalam kalangan individu dewasa tetapi kini ia telah menjangkiti dan mengancam golongan muda-mudi dan belia dalam pelbagai peringkat lapisan masyarakat.



Menurut sumber dari Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (BIONADI), Agensi Antidadah Kebangsaan (2009), sepanjang bulan Januari hingga Disember 2009, seramai 15,736 orang penagih telah dikesan di mana sejumlah 15,458 orang daripadanya adalah terdiri daripada penagih lelaki manakala selebihnya berjumlah 278 orang adalah penagih wanita. Oleh yang demikian, berdasarkan sumber dan informasi tersebut menunjukkan bahawa negara Malaysia menghadapi masalah penagihan dadah yang serius. Sehubungan itu, kaedah-kaedah baru yang berkesan perlu dilaksanakan bagi mengurangkan masalah penagihan dadah. Tidak dinafikan juga bahawa banyak kajian telah dibuat oleh agensi-agensi sama ada di dalam atau di luar negara berhubung dengan masalah penyalahgunaan dadah. Hasil kajian menyebut banyak faktor yang mendorong kepada penyalahgunaan dadah antaranya seperti faktor perasaan ingin tahu, pengaruh rakan, tekanan jiwa, keseronokan, keluarga, kewangan, kesihatan, ingin diterima dalam kumpulan dan seumpamanya.

Selain daripada itu, mengikut kajian pakar perubatan dan juga pakar penyelidikan, penglibatan mereka dalam penyalahgunaan dadah adalah disebabkan perasaan ingin mengetahui dan ingin mencuba, tidak mengetahui dengan sebenarnya bahaya dadah, dipengaruhi kawan, hendak menyesuaikan diri dengan kumpulan yang sebaya dengannya, dan mencari ketenteraman jiwa akibat masalah kehidupan. Selain daripada itu, faktor penyalahgunaan dadah juga disebabkan oleh keinginan muda-mudi untuk menghilangkan kesusahan yang dideritainya, menghilangkan kerunsingan akibat desakan ibubapa, tidak bijak menggunakan masa lapang dengan perkara yang berfaedah, mengikut nafsu muda, keruntuhan institusi keluarga dan rumahtangga, tidak ada kemesraan antara ibubapa dan anak-anak, ingin berlagak atau menunjuk-nunjuk, mudah mendapatkan bekalan dadah dan kebijaksanaan pengedar dadah, kurang pengetahuan agama dan penghayatan nilai-nilai agama.

Secara biologinya terdapat perubahan fisiologi, psikologi dan kematangan yang berbeza antara jantina lelaki dan wanita dalam sistem perkembangan manusia. Menurut Duncan et. al (1985), dalam kajiannya mendapati bahawa remaja lelaki yang cepat matang lebih cenderung terlibat dalam aktiviti tidak berfaedah termasuklah ponteng sekolah, delikueni



dan cenderung menagih dadah. Denzin & Lincoln (2005) mendapati bahawa remaja lelaki yang cepat matang mudah membawa mereka kepada tingkahlaku bermasalah. Keadaan ini berbeza dengan remaja perempuan kerana remaja perempuan lebih cepat matang dan lebih cepat perkembangan fizikalnya dan hal ini menyebabkan mereka rasa cepat sedar-kendiri (*self conscious*).

PENDEKATAN TEORI

Kajian ini melibatkan teori yang berkaitan dengan penggunaan dadah. Terdapat beberapa teori yang boleh digunakan dalam memperkatakan mengenai penggunaan dadah. Teori yang dikaitkan dengan kajian ini ialah Teori Pembelajaran Sosial yang dikemukakan oleh Albert Bandura dan Teori Pelaziman Klasik yang dipelopori oleh Edward Thorndike.

Teori pembelajaran sosial yang dipelopori oleh Albert Bandura menekankan idea bahawa manusia belajar mengenai sesuatu perkara atau tingkahlaku dengan cara memerhatikan tingkahlaku orang lain. Pembelajaran pemerhatian ini berlaku apabila manusia memerhatikan tingkahlaku orang lain dan mencatatkan konsekuen tingkahlaku tersebut. Kebanyakan pola percakapan, gaya berpakaian, tingkahlaku langsung dan pelbagai tingkahlaku yang lain dipelajari oleh manusia melalui pemerhatian atau pemodelan (Ma'rof Redzuan dan Haslinda Abdullah, 2004). Pada kebiasaannya individu tertentu seperti ibu bapa, rakan sebaya, orang yang ternama, artis dan seumpamanya menjadi model atau ikutan untuk dilihat dan ditiru tingkahlakunya. Bandura telah mencadangkan empat proses mental yang perlu beroperasi sewaktu proses pembelajaran berlaku. Proses pertama ialah tumpuan iaitu pemerhati perlu memberikan perhatian dan tumpuan sepenuhnya kepada apa yang dikata atau dilakukan oleh model. Kedua ialah ingatan iaitu pemerhati perlu mengkod maklumat dalam cara yang boleh diingatnya dan ia boleh diingati kembali untuk digunakan pada masa akan datang. Seterusnya proses ketiga ialah kawalan motor iaitu pemerhati perlu berupaya untuk menggunakan maklumat yang diingati untuk memandu tindakannya supaya ia dapat meniru tingkahlaku yang telah dilihatnya. Manakala proses keempat ialah motivasi iaitu pemerhati perlu mempunyai sebab, peneguhan atau insentif untuk melakukan tingkahlaku yang dilakukan oleh model.



Jika tiada dorongan atau motivasi, peniruan tidak mungkin akan berlaku (Ma'rof Redzuan dan Haslinda Abdullah, 2004).

Berdasarkan teori pembelajaran sosial ini, peranan manusia di sekeliling adalah penting dalam mempengaruhi corak tingkahlaku seseorang. Bagi setiap individu, ibu bapa, kelompok rakan sebaya dan persekitaran merupakan faktor pendorong kepada keinginan seseorang untuk bertingkahlaku. Sebagai contoh, bapa yang merokok kebiasaannya akan mempunyai anak yang akan mengikut jejak langkahnya merokok.

Selain itu, penggunaan dadah juga boleh dikaji dengan menggunakan teori pelaziman operan. Teori pelaziman operan dikemukakan oleh Edward Thorndike dan kemudiannya dikembangkan oleh B.F Skinner. Dalam teori ini, Thordike memberikan idea bahawa kesemua haiwan termasuklah manusia menyelesaikan masalah melalui pembelajaran cuba-cuba. Di peringkat awal, tingkahlaku atau gerak balas terjadi adalah didorong oleh naluri. Apabila hasil yang diperolehi menyenangkan, tingkahlaku tersebut cenderung untuk diulangi. Hal ini menunjukkan bahawa hasil atau kesan daripada tingkahlaku menjadi penyebab kepada kecenderungan untuk mengulangi tingkahlaku yang sama. Teori ini mengaitkan pembelajaran dengan prinsip peneguhan (Ma'rof Redzuan dan Haslinda Abdullah, 2004).

Berdasarkan teori ini, manusia menggunakan dadah sebagai satu bentuk pembelajaran cuba-cuba. Apabila mereka telah mula merasai kenikmatan, keenakan dan keseronokan menggunakan dadah, tingkahlaku tersebut cenderung untuk diulang dan akhirnya menjadi sebahagian daripada aktiviti harian. Selain daripada keseronokan, individu yang menggunakan dadah juga merasakan masalah yang mereka hadapi dapat dilupakan. Ini adalah satu bentuk peneguhan kepada pengguna dadah.

PERNYATAAN MASALAH

Jamaludin Ahmad (2009), menyatakan bahawa penyalahgunaan dadah tidak mengenal mangsa. Sesiapa sahaja boleh terjebak dengan penyalahgunaan dadah sama ada individu



tersebut terdiri daripada kanak-kanak, remaja, dewasa, belia, orang tua, sudah berkeluarga atau bujang, kaya atau miskin, berkerjaya baik atau tidak, kuat beragama atau tidak, berpangkat tinggi atau rendah, berstatus baik atau tidak, menjadi pemimpin atau tidak, keturunan raja atau tidak, berpendapatan tinggi atau rendah dan kategori lain.

Oleh yang demikian, terdapat pelbagai kategori manusia yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah sama ada melibatkan kaum lelaki atau wanita (Jamaludin Ahmad, 2007). Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK, 2010), menunjukkan bahawa kaum lelaki lebih ramai terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Statistik tahun 2009 menunjukkan terdapat seramai 15,148 (98.22%) penagih lelaki dan seramai 278 (1.77%) penagih wanita. Statistik tahun 2008 juga menunjukkan bahawa bilangan penagih lelaki lebih ramai berbanding wanita di mana 12,076 (28.01%) adalah penagih lelaki dan 276 (0.72%) adalah penagih wanita. Data ini membuktikan berlakunya peningkatan di kalangan penagih lelaki dan penagih wanita. Trend penyalahgunaan dadah dalam kalangan kaum wanita turut membimbangkan. Ini disebabkan bilangan wanita terjebak dengan penyalahgunaan dadah semakin meningkat sehinggakan kerajaan Malaysia telah menubuhkan Pusat Pemulihan Dadah Pertama bagi wanita telah di buka di Kemumin, Pengkalan Chepa Kelantan pada tahun 1988 sebelum berpindah ke Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) di Bachok, Kelantan pada tahun 2003. Inilah satu-satunya pusat pemulihan khusus untuk penagih wanita.

Selain daripada pusat pemulihan wanita di Bachok, Kelantan terdapat juga penagih wanita yang dijatuhkan pelbagai kesalahan berkaitan dadah dan ditempatkan di Penjara Kajang, Selangor. Antara kesalahan berkaitan dadah dalam kalangan wanita ialah sebagai pengedar, penjual dan pengguna dadah. Bilangan mereka semakin meningkat dari masa ke semasa.

Dadah '*methodone*' adalah sejenis dadah gantian yang sering kali diambil oleh individu yang terjebak dengan penyalahgunaan dadah. Tidak dinafikan terdapat kes dalam kalangan penagih wanita yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah secara suka rela



mendapatkan bekalan dadah jenis 'methodone' dari Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Tujuan mendapatkan bekalan tersebut adalah untuk mengurangkan penagihan bagi mereka yang ingin terus berhenti daripada penagihan dadah.

Kajian ini dibuat untuk melihat sejauhmanakah keterlibatan wanita dalam penagihan dadah dan perbandingannya antara tiga institusi iaitu Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Bachok, Kelantan, Penjara Kajang, Selangor dan Pusat Khidmat Agensi Antidadah Kebangsaan (PKAADK), Kuala Lumpur. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti punca utama yang mendorong penglibatannya dalam penyalahgunaan dadah di Malaysia.

KAJIAN LEPAS

Kebiasaannya penyalahgunaan dadah berlaku apabila seseorang itu tidak mengikut nasihat dan saranan daripada pegawai perubatan. Dadah boleh disalahgunakan dengan pelbagai cara sama ada dengan cara dimakan, dihisap, diminum, disedut atau disuntik. Mahmood Nazar (2005) menyatakan bahawa penggunaan dadah boleh membawa kesan buruk ke atas kesihatan dan fungsi sosial seseorang.

Berdasarkan kepada analisa *National Household Survey on Drug Abuse* (NHSDA) oleh Anthony (1993), lelaki adalah lebih berkemungkinan menggunakan dadah berbanding wanita. Hasil kajiannya memperlihatkan 59.0% lelaki menggunakan Marijuana dan wanita sebanyak 43.9%, Dadah jenis Heroin pula melibatkan 28.7% adalah lelaki dan 18.3% wanita. Halusinogen pula melibatkan 18.6% lelaki dan 10.0% wanita. Lelaki yang terlibat dengan Heroin pula sebanyak 44.2% dan 42.0% melibatkan wanita dan penggunaan dadah jenis Marijuana dalam tempoh setahun melibatkan 37.7% lelaki dan 33.2% wanita.

Menurut Patrick Zickler (2000), lelaki adalah lebih berkemungkinan daripada wanita mengambil dadah. Hasil tinjauan isi rumah yang dijalankan oleh *National Household*



Survey on Drug Abuse (NHSDA), lebih daripada 25,000 responden terlibat dengan masalah penagihan dadah di mana 8.1% bagi lelaki dan 4.5% bagi wanita yang berumur 12 tahun ke atas.

Berdasarkan kepada hasil kajian yang dijalankan oleh Hussien Roslan (2002), meramalkan kemasukan penagih dadah wanita ke PUSPEN Bachok, Kelantan bagi tempoh 2002-2006 akan meningkat. Kajian ini melibatkan data keseluruhan penagih dadah wanita dan kemasukan mengikut klasifikasi penagih baru (ringan) dari tahun 1998-2001. Dengan menggunakan Model Regresi Linear, hasil kajian ini menunjukkan aliran kemasukan penagih dadah wanita meningkat secara keseluruhannya. Penagih dadah wanita yang diklasifikasikan sebagai penagih baru juga turut meningkat.

Menurut Sloboda dan Bukoski (2006), faktor diri sendiri merupakan faktor yang menyumbang kepada penyalahgunaan dadah di kalangan wanita. Wanita yang berpendidikan tinggi mempunyai kecenderungan yang rendah untuk terlibat dengan masalah penyalahgunaan dadah berbanding dengan wanita daripada kalangan berpendidikan rendah. Hal ini disebabkan oleh golongan ini memiliki pengetahuan tentang bahaya penyalahgunaan dadah dan mengetahui kesan buruk terhadap penggunaannya.

Kajian oleh Brady, Back dan Greenfield (2009), menyatakan bahawa pendorong kepada masalah penyalahgunaan dadah dalam kalangan wanita adalah faktor keluarga. Keadaan ini dilihat berdasarkan kepada permasalahan dalaman keluarga yang melibatkan masalah sistem keluarga itu sendiri seperti peratus seseorang wanita terlibat adalah tinggi apabila memiliki ahli keluarga yang terlibat dalam masalah penyalahgunaan dadah kerana sering didedahkan dengan persekitaran sedemikian sama ada penyalahgunaan dadah dilakukan secara sukarela ataupun secara paksaan. Oleh yang demikian, demografi sesebuah keluarga boleh mempengaruhi seseorang wanita mengambil dadah.

Berdasarkan kepada kajian yang dibuat oleh Brady, Back dan Greenfield (2009), sejarah kehidupan yang sukar mempengaruhi seseorang wanita terlibat dalam masalah



penyalahgunaan dadah. Keadaan ini dapat dijelaskan lagi bahawa wanita yang pernah mengalami peristiwa-peristiwa seperti penderaan fizikal, seksual, psikologial, pelacuran dan diabaikan menyebabkan wanita tersebut sukar untuk berhadapan dengan kehidupan yang lebih positif apabila menigkat dewasa. Selain daripada itu, faktor ketahanan dan kekuatan diri juga memainkan peranan yang penting dalam menghadapi situasi serta persekitaran yang terdedah dengan pelbagai bentuk ancaman seperti penderaan dan jenayah rogol. Faktor ketahanan ini dilihat dari dua sudut iaitu faktor dalaman (*intrinsic*) dan faktor luaran (*extrinsic*). Responden di dalam kajian ini menjelaskan bahawa apabila mereka menggunakan dadah mereka akan mengalami perasaan yang indah (*euphoria*) sehingga dapat melupakan semua masalah peribadi yang dihadapi.

Kesimpulannya kajian berkaitan keterlibatan wanita dalam penyalahgunaan dadah adalah banyak dan menunjukkan bahawa wanita tidak kurang hebatnya berbanding lelaki berkaitan dengan penyalahgunaan dadah. Dapatlah dirumuskan bahawa penyalahgunaan dadah bukan sahaja melibatkan penagih lelaki malahan juga melibat penagih wanita. Di seluruh negara di dunia menunjukkan bahawa bilangan penagih lelaki mengatasi penagih wanita dalam hal yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah. Adalah jelas bahawa indek jenayah juga memaparkan lelaki lebih ramai berbanding wanita. Walaupun penglibatan wanita dalam penyalahgunaan dadah adalah sedikit berbanding penagih lelaki namun semua pihak tidak boleh memandang ringan tentang penglibatan wanita dalam penyalahgunaan dadah kerana bilangan mereka semakin meningkat dari hari ke sehari dan kemungkinan besar akan mengatasi penagih lelaki jika tidak diberi perhatian berat.

OBJEKTIF

Tidak dinafikan penglibatan wanita dalam gejala penyalahgunaan dadah di Malaysia semakin meningkat. Oleh itu, salah satu kaedah untuk membantu wanita agar tidak terjebak dengan penyalahgunaan dadah ialah melalui kajian tertentu. Oleh itu antara objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti beberapa perkara berikut:-



1. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan keterlibatan penagih wanita dalam penagihan dadah di Malaysia?
2. Bagaimanakah faktor-faktor ini, menyebabkan keterlibatan wanita dalam penyalahgunaan dadah?
3. Untuk mengenalpasti kaedah yang relevan dalam membantu proses pencegahan yang boleh dipakai oleh semua pihak termasuk ibu bapa, pendidik, masyarakat, kerajaan, NGO dan sebagainya.

KEPENTINGAN KAJIAN

Terdapat banyak kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik samada penyelidik dalam negara mahupun penyelidik luar negara. Tujuan utama penyelidikan itu dijalankan ialah untuk membantu pihak tertentu mengatasi permasalahan yang dihadapi. Begitu juga dengan kajian yang telah dijalankan ini ialah untuk membantu Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Kementerian Dalam Negeri. Kajian ini dijalankan adalah untuk melihat faktor penglibatan wanita di dalam penyalahgunaan dadah dan melakukan perbandingan faktor keterlibatan mereka dalam penyalahgunaan dadah serta mencari alternatif yang bersesuaian dalam mengenalpasti kaedah pencegahan yang relevan dan boleh digunakan oleh semua pihak seperti ibu bapa, guru, kaunselor, agensi-agensi, NGO dan sebagainya dalam menyelesaikan isu penyalahgunaan dadah dalam kalangan penagih wanita.

METODOLOGI

Kaedah kajian adalah menggunakan kaedah kualitatif. Bahagian ini akan menghuraikan cara-cara kajian dijalankan iaitu dari segi lokasi, skop kajian, populasi dan sampel kajian, instrumen kajian, kaedah pengumpulan data dan analisis data. Menurut Majid Konting (2004), dan Sidek Mohd Noah (2002) kaedah penyelidikan merujuk kepada cara mendapatkan maklumat bagi mencapai sesuatu matlamat penyelidikan.



Kaedah Temubual

Kaedah ini digunakan untuk memperolehi maklumat secara terperinci tentang faktor-faktor lain atau terpendam yang menyebabkan keterlibatan wanita dalam penyalahgunaan dadah. Maklumat penyelidikan diperolehi secara langsung dan bertujuan untuk memperolehi maklumat mengenai fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya yang diperlukan untuk mencapai objektif kajian. Temubual menghendaki kedua-dua pihak iaitu penyelidik dan subjek berinteraksi secara langsung dan aktif.

Hubungan erat antara subjek dan penyelidik menghasilkan suasana kerjasama apabila maklumat diperolehi dan dipercayai. Jenis subjek yang ditemubual juga diketahui di samping penyelidik dapat membuat pemerhatian tentang reaksi yang ditunjukkan oleh subjek sepanjang temubual dijalankan (Othman Lebar, 2007).

Tatacara Kajian

- a) Mendapatkan kelulusan daripada pihak Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Kementerian Keselamatan Dalam Negeri bagi menjalankan penyelidikan.
- b) Mendapatkan kelulusan daripada Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) (Wanita), Bachok, Kelantan, Jabatan Penjara Wanita Kajang, Selangor dan Pusat Khidmat Agensi Antidadah Kebangsaan (PKAADK) Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.
- c) Penyelidik menjalankan proses pengumpulan data melalui proses temubual (reponden wanita yang telah dipilih sahaja).
- d) Rakaman akan dilakukan sepanjang proses temubual berlangsung.
- e) Analisa data akan dilakukan setelah semua data diperolehi.
- f) Penyediaan laporan.

Populasi dan Persampelan

Populasi kajian adalah terdiri daripada penagih-penagih wanita yang menerima rawatan di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik Bachok di Kelantan, Jabatan Penjara Kajang, Selangor dan dan Pusat Khidmat Agensi Antidadah Kebangsaan (PKAADK) Wilayah



Persekutuan, Kuala Lumpur. Jumlah sampel yang terlibat dalam kaedah temubual ini melibatkan sampel wanita seramai 99 orang di mana Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Bachok, Kelantan melibatkan seramai 75 sampel, Penjara Kajang, Selangor seramai 22 sampel dan Pusat Khidmat Agensi Antidadah Kebangsaan (PKAADK) Wilayah Persekutuan seramai 2 sampel.

Kesemua sampel yang berjumlah 99 orang itu dibahagikan kepada dua kaedah temubual iaitu temubual secara kelompok kecil (6 – 10 orang) dan temubual secara individu. Keseluruhannya seramai 14 sampel telah ditemubual secara individu dan 85 orang telah ditemubual secara kelompok kecil.

Kesemua sampel terdiri daripada pelbagai kaum, berlainan agama, berlainan latarbelakang, berlainan taraf pendidikan dan berlainan umur. Kesemua sampel telah memberi kerjasama erat sepanjang temubual dijalankan.

Alat Kajian

Teknik temubual yang digunakan adalah secara temubual bersemuka dengan sampel iaitu seramai 99 orang dari Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Bachok, Kelantan, Jabatan Penjara Kajang, Selangor dan dan Pusat Khidmat Agensi Antidadah Kebangsaan (PKAADK) Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Menurut Creswell (2009), terdapat 3 jenis temubual iaitu temubual berstruktur, temubual separa berstruktur dan temubual tidak berstruktur.

Dalam kajian ini, penyelidik akan menggunakan temubual secara berstruktur. Ini kerana menurut Merriam (2009) temubual secara berstruktur bertujuan untuk mengumpul maklumat yang tepat seperti sosio demografik, umur, pendapatan, tahap pendidikan dan sebagainya. Manakala temubual separa berstruktur bersifat fleksibel dan keadaan ini mendorong kepada kebebasan responden menghuraikan apa sahaja kepada penyelidik.



Kesahan dan Kebolehpercayaan

Dalam menentukan kesahan dan kebolehpercayaan kajian ini, penyelidik akan menggunakan kaedah triangulasi di mana data akan diperolehi daripada beberapa sumber iaitu berdasarkan temubual dengan sampel kajian, dokumen peribadi sampel kajian dan maklumat kakitangan organisasi yang terlibat.

Analisa Data

Dalam menganalisa data temubual, pendekatan analisis kandungan akan dilakukan oleh penyelidik di mana ia bertujuan untuk mengenalpasti tema, konsep dan makna yang disampaikan oleh sampel. Dalam hal ini, analisis kandungan memerlukan sistem pengkodan yang berkaitan dengan matlamat penyelidikan. Menurut Merriam (2009), kategori pengkodan harus dibangunkan sebaik sahaja pengumpulan data pertama dilakukan.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian dibincangkan berdasarkan kepada dua bahagian iaitu pertama, dapatan kajian keseluruhan berdasarkan ketiga-tiga organisasi yang terlibat dan kedua, dapatan perbandingan yang melibatkan ketiga-tiga organisasi yang terlibat.

Dapatan Keseluruhan

Kajian yang telah dijalankan ini berjaya menyenaraikan 10 faktor penyebab keterlibatan penagih wanita dalam penyalahgunaan dadah. Peratus penglibatan penyalahgunaan dadah dalam kalangan penagih wanita terdapat pada Jadual 1.

Jadual 1: Data Keseluruhan Penyebab Penglibatan Penagihan Dalam Kalangan Wanita

Bil.	Faktor Penyebab	Peratus (%)
1.	Faktor Diri Sendiri	36.25
2.	Faktor Keluarga	13.06
3.	Faktor Rakan	12.86



4.	Faktor Perkawinan	12.28
5.	Faktor Bahan	5.65
6.	Faktor Pendidikan	5.62
7.	Faktor Pekerjaan	5.06
8.	Faktor Persekitaran	4.87
9.	Faktor Paksaan	2.14
10.	Faktor Media Massa atau Teknologi	1.16

Daripada Jadual 1, membuktikan bahawa faktor utama keterlibatan wanita dalam penyalahgunaan dadah adalah disebabkan faktor diri sendiri (36.25%). Diikuti faktor keluarga sebanyak 13.06%. Faktor rakan menduduki tempat ketiga sebanyak 12.86%. Faktor perkawinan menduduki tempat keempat iaitu 12.28%. Tempat kelima disebabkan faktor bahan iaitu 5.65%. Faktor keenam disebabkan faktor pendidikan iaitu 5.62% dan seterusnya faktor pekerjaan sebanyak 5.06%, faktor persekitaran sebanyak 4.87%, faktor paksaan sebanyak 2.14% dan terakhir faktor media massa atau teknologi sebanyak 1.16%.

Dapatan Perbandingan Antara Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Bachok, Kelantan, Penjara Kajang, Selangor Dan Pusat Khidmat Agensi Antidadah Kebangsaan (PKAADK) Kuala Lumpur

Selain melihat faktor penyebab penglibatan wanita dalam penagihan dadah, dapatan kajian ini juga ingin melihat perbandingan keterlibatan penagih dadah wanita antara Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Bachok, Kelantan, Penjara Kajang, Selangor dan Pusat Khidmat Agensi Antidadah Kebangsaan (PKAADK) Kuala Lumpur. Dapatan kajian perbandingan ini dapat dilihat melalui Jadual 2.



Jadual 2: Perbandingan Penyebab Penglibatan Penagihan Dadah Dalam Kalangan Wanita Antara Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Bachok, Kelantan, Penjara Kajang, Selangor dan Pusat Khidmat Agensi Antidadah Kebangsaan (PKAADK) Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur

Bil.	Faktor Penyebab	PUSPEN Bachok, Kelantan, (%)	Penjara Kajang, Selangor (%)	Pusat Khidmat Komuniti Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur (%)
1.	Faktor Diri Sensiri	49.53	39.70	23.00
2.	Faktor Keluarga	11.21	19.11	0.00
3.	Faktor rakan	14.95	11.76	15.30
4.	Faktor Persekitaran	1.86	5.88	15.30
5.	Faktor Perkawinan	9.34	8.82	0.00
6.	Faktor Pekerjaan	0.93	2.94	23.00
7.	Faktor Pendidikan	2.80	7.35	0.00
8.	Faktor Paksaan	0.00	1.47	0.00
9.	Faktor Bahan	8.41	2.94	23.00
10.	Faktor Media Massa atau Teknologi	0.93	0.00	0.00

Berdasarkan Jadual 2, menunjukkan bahawa ketiga-tiga pusat pemulihan ini memperlihatkan faktor diri sendiri menduduki tempat teratas sebagai faktor penyebab utama penglibatan wanita dalam penyalahgunaan dadah. Namun demikian Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Bachok, Kelantan mengungguli *ranking* teratas dari aspek faktor diri sendiri iaitu sebanyak 49.53% dan disusuli oleh Penjara Kajang, Selangor sebanyak 39.70% dan Pusat Khidmat Agensi Antidadah Kebangsaan (PKAADK) sebanyak 23.00%.

Dari faktor keluarga pula menunjukkan Penjara Kajang, Selangor menduduki tempat teratas keterlibatan wanita dalam penagihan dadah iaitu sebanyak 19.11%, diikuti oleh



Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Bachok, Kelantan sebanyak 11.21% dan Pusat Khidmat Agensi Antidadah Kebangsaan (PKAADK) Kuala Lumpur tiada melibatkan faktor keluarga.

Faktor rakan pula menunjukkan Pusat Khidmat Agensi Antidadah Kebangsaan (PKAADK) Kuala Lumpur adalah yang tertinggi iaitu sebanyak 15.3%, diikuti oleh Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Bachok, Kelantan sebanyak 14.95% dan Penjara Kajang, Selangor sebanyak 11.76%.

Faktor persekitaran memaparkan Pusat Khidmat Agensi Antidadah Kebangsaan (PKAADK) Kuala Lumpur mendahului dengan peratus sebanyak 15.3%, disusuli Penjara Kajang, Selangor sebanyak 5.88 % dan Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Bachok, Kelantan sebanyak 1.86%.

Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Bachok, Kelantan mengungguli dari aspek faktor perkahwinan sebagai penyebab penglibatan wanita dalam penyalahgunaan dadah iaitu sebanyak 9.83%, diikuti oleh Penjara Kajang, Selangor sebanyak 8.82% dan tiada faktor perkahwinan di Pusat Khidmat Agensi Antidadah Kebangsaan (PKAADK) Kuala Lumpur.

Faktor pekerjaan didominasi oleh Pusat Khidmat Agensi Antidadah Kebangsaan (PKAADK) Kuala Lumpur sebanyak 23.00% dan diikuti oleh Penjara Kajang, Selangor sebanyak 2.94% dan Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Bachok, Kelantan sebanyak 0.93%.

Kesemua faktor penyebab keterlibatan wanita dalam penyalahgunaan dadah tidak didominasi oleh mana-mana pusat pemulihan. Setiap pusat pemulihan menunjukkan terdapatnya pelbagai faktor keterlibatan wanita dalam penyalahgunaan dadah. Ini membuktikan bahawa keterlibatan wanita dalam penyalahgunaan dadah tidak dijuarai oleh mana-mana pusat pemulihan tetapi setiap pusat pemulihan memaparkan faktor penyebab yang berbeza.



PERBINCANGAN

Berdasarkan temubual yang dijalankan, terdapat banyak faktor keterlibatan wanita dalam penyalahgunaan dadah. Akhirnya penyelidik telah mengelompokkan kesemua faktor tersebut kepada 10 faktor penyebab utama. Kesepuluh faktor tersebut adalah seperti berikut iaitu faktor diri sendiri, keluarga, rakan sebaya, persekitaran, perkahwinan, pekerjaan, pendidikan, paksaan, bahan dan media massa atau teknologi.

Jika dilihat dari aspek keseluruhan dapatan kajian, faktor penyebab utama keterlibatan wanita dalam penyalahgunaan dadah adalah faktor 'diri sendiri' iaitu sebanyak 36.25%. Dapatan keseluruhan atas faktor 'diri sendiri' ini turut disokong melalui dapatan perbandingan antara tiga organisasi pemulihan iaitu Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Bachok, Kelantan, Penjara Kajang, Selangor dan Pusat Khidmat Agensi Antidadah Kebangsaan (PKAADK) Kuala Lumpur. Ketiga-tiga organisasi ini turut memperlihatkan faktor 'diri sendiri' merupakan penyebab utama keterlibatan wanita dalam penyalahgunaan dadah.

Dapatlah disimpulkan bahawa dapatan kajian ini membuktikan bahawa wanita yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah menjadikan atau memberikan faktor 'diri sendiri' sebagai faktor paling utama mengapa mereka terjebak dengan penyalahgunaan dadah. Jika dibuat penelitian, subtema atau faktor-faktor yang dikategorikan dalam faktor 'diri sendiri' adalah seperti berikut: tidak berpuas hati dengan bentuk fizikal, ambil dadah untuk tenangkan fikiran, ada perasaan ingin tahu, ingin mencuba, ambil dadah untuk keseronokan, ambil dadah untuk kepuasan seks, ambil dadah untuk menghilangkan tekanan, beremosi akibat dirogol, beremosi akibat kehilangan orang tersayang, tergoda dan menurut kehendak pasangan akibat terlalu sayang, tak berfikir panjang, usia terlalu muda dan tak tahan atau terlalu rindu pada dadah.

Dapatan kajian yang telah dijalankan ini telah menyokong dapatan kajian yang telah dilakukan oleh Brady, Back dan Greenfield (2009) dan Sloboda dan Bukoski (2006)



yang menyatakan bahawa penyebab utama keterlibatan wanita dalam penyalahgunaan dadah adalah disebabkan faktor 'diri sendiri'.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan faktor 'keluarga' menduduki tempat kedua terpenting ke arah penyebab utama keterlibatan wanita dalam penyalahgunaan dadah. Dapatan ini juga menyokong dapatan yang telah dilakukan oleh Meringkangas dan Steven (2005) yang menyatakan bahawa faktor keluarga turut menyumbang ke arah keterlibatan wanita dalam penyalahgunaan dadah.

Jika dibuat penelitian iaitu dari aspek perbandingan antara ketiga-tiga organisasi pemulihan yang terlibat dalam kajian ini, membuktikan bahawa ketiga-tiga organisasi ini turut menyatakan bahawa faktor 'diri sendiri' sebagai penyumbang utama mengapa wanita terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Secara tidak lansung dapatan ini juga menyokong dapatan yang telah dijalankan oleh Brady, Back dan Greenfield (2009) serta Sloboda dan Bukoski (2006).

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK, 2006) dalam kajian berkaitan penyebab utama keterlibatan panagih dalam penyalahgunaan dadah mendapati bahawa faktor rakan sebaya menduduki tempat teratas iaitu sebanyak 59.78%. Dapatan ini juga turut disokong oleh dapatan yang telah dijalankan penyelidik di mana faktor rakan sebaya turut menyumbang kepada keterlibatan wanita dalam penyalahgunaan dadah iaitu dengan menduduki tempat ketiga iaitu 12.86% mengapa wanita terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

Kesimpulannya kajian yang telah dijalankan penyelidik telah disokong dengan kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik lain samada penyelidik dalam negara mahupun penyelidik luar negara. Ini membuktikan bahawa kajian yang telah djalankan ini telah sedikit sebanyak memberi sumbangan dalam hal berkaitan dengan penyalahgunaan dadah khususnya penyalahgunaan dadah dalam kalangan wanita di Malaysia.



CADANGAN

Berdasarkan kepada dapatan dan perbincangan di atas maka penyelidik telah sepakat memberikan beberapa cadangan yang boleh dilaksanakan oleh semua pihak khususnya pihak Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK):

1. Memaklumkan bahawa terdapat pelbagai sebab penglibatan wanita dalam penyalahgunaan dadah. Oleh kerana penyebab utama ialah faktor 'diri sendiri' maka adalah dicadangkan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) perlu memberi perhatian, penekanan dan pemberatan berkaitan faktor 'diri sendiri' dalam apa juga aktiviti atau program yang hendak dirancang pada masa akan datang. Umpamanya, segala aktiviti anjuran Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) perlu ditekankan faktor 'diri sendiri' iaitu aktiviti anjuran Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) berfokus kepada jati diri penagih, kekuatan iman penagih, ketabahan hati penagih, kecekalan hati penagih dan konsep kesyukuran diri penagih.
2. Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) perlu memberi perhatian kepada program pencegahan khususnya di peringkat sekolah lagi. Ini kerana pelajar sekolah yang sedang meningkat remaja sangat mudah terpengaruh dengan pelbagai perkara akibat kekurangan yang ada pada diri sendiri. Dapatan kajian ini boleh dijadikan bukti kepada pelajar sekolah bahawa mereka perlu berhati-hati dengan factor 'diri sendiri'. Faktor ingin tahu dan ingin mencuba merupakan faktor 'diri sendiri' yang harus diberi penekanan ketika Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) mengadakan ceramah atau pameran berkaitan dengan penyalahgunaan dadah.
3. Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) perlu berkerjasama dengan pelbagai pihak khususnya badan bukan kerajaan (NGO) dan membawa NGO ini turut memainkan peranan dalam usaha membenteras penyalahgunaan dadah. Badan bukan kerajaan (NGO) ini juga diberi peruntukan kewangan untuk menjalankan kajian sepertimana yang telah penyelidik lakukan.



4. Disyorkan agar Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Penjara Kajang, Selangor dan Pusat Khidmat Agensi Antidadah Kebangsaan (PKAADK) duduk berbincang mencari kaedah rawatan terbaik secara bersama dalam usaha membantu penagih ketika mereka menerima rawatan. Penekanan aspek faktor 'diri sendiri' harus diberikan perhatian ketika perbincangan dilakukan.
5. Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) boleh menjalankan kajian lanjutan berkaitan tajuk yang sama tetapi sampel kajian diperluaskan iaitu dengan melibatkan pusat pemulihan swasta pula samada kelolaan dalam negara dan luar negara.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian yang telah dijalankan ini berjaya mengenalpasti pelbagai faktor penyebab utama keterlibatan wanita dalam penyalahgunaan dadah. Ini secara tidak langsung memberikan gambaran yang jelas kepada semua pihak tentang faktor utama penglibatan wanita dalam penyalahgunaan dadah. Komitmen dan sokongan daripada semua pihak secara tidak langsung dapat merealisasikan matlamat dalam mengurangkan kadar penyalahgunaan dadah di Malaysia khususnya dalam kalangan penagih wanita dan sebagai tindakan pencegahan dalam membantu remaja khususnya dalam membentuk asas kualiti diri yang kukuh dan membangunkan negara mencapai matlamat negara bebas dadah menjelang tahun 2015 tercapai.

Setiap rakyat Malaysia tidak hanya bergantung kepada Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dalam usaha membanteras penyalahgunaan dadah. Setiap daripada individu perlu memberi sumbangan kepada pihak kerajaan berkaitan dengan penyalahgunaan dadah. Kita sebagai rakyat Malaysia harus bertanya kepada diri kita sendiri iaitu 'apakah sumbangan yang telah kita berikan kepada kerajaan berkaitan dengan penyalahgunaan dadah?'. Setiap daripada kita harus menegur, memberi nasihat, memberitahu pihak berkuasa sekiranya kita mengetahui kes-kes berkaitan penyalahgunaan dadah atau setidak-tidaknya memberi kerjasama dan sokongan terhadap apa juga aktiviti berkaitan penyalahgunaan dadah samada anjuran Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) atau



ajaran Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang ada di Malaysia. Dengan cara ini, bak kata perpatih ‘bersatu teguh bercerai roboh’ boleh dilaksanakan kerana dengan adanya semangat bersatu padu dari semua pihak maka secara tidak langsung kita dapat menyelesaikan apa juga masalah yang dihadapi dengan jayanya.

RUJUKAN

- Azizi Yahya, Jamaludin Ramli & Wei May Lin (2007), *Hubungan Antara Tingkahlaku Keibubapaan Dengan Penghargaan Kendiri Di Kalangan Remaja*, Kertas Pembentangan Seminar, Tidak Diterbitkan, Kedah
- Azlina Abu Bakar @ Mohd (2005), *Psikologi Personaliti Individu*, Karisma Publication Sdn Bhd, Shah Alam
- Brady, K.T., Back, S.E., & Greenfield, S.F. (2009). *Women & Addiction*. London: The Guilford Press.
- Creswell, J.W. (2009). *Research Design*. London: SAGE Publications.
- Denzin, N.K., & Lincoln, Y.S. (2005). *Qualitative Research*. London: Sage Publications
- Ducan et all (1985). *Drug and the wholeperson*. New York: John Wiley & Son.
- Etten M.L.V.; Neumark Y. D.; & Anthony J. C.(1999), *Male-Female Differences In The Earliest Stages Of Drug Involvement*, Volume 94, Number 9, 1 September 1999, pp. 1413-1419(7). <http://findarticles.com/>
- Haji Sulaiman Haji Mohd Salleh (1999), *Sebab-Sebab Utama Penagih Mula Mengambil Dadah: Satu Kajian Di Pusat Serenti*, Tesis Sarjana Pembangunan Sumber Manusia, UPM
- Haji Jamaludin Haji Ahmad (2009), *Salahguna Dadah: Sebab, Akibat, Cegah Dan Rawat*. Universiti Putra Malaysia. Serdang.
- Haji Jamaludin Haji Ahmad (2007), *Modul Dan Kaunseling Penyalahgunaan Dadah*. Universiti Putra Malaysia. Serdang
- Hasmaliza (2007), *Penyalahgunaan Dadah Dan Tingkahlaku Jenayah Di Kalangan Penagih Wanita : Kajian Di Pusat Serenti Bachok Kelantan*. Tesis Yang Tidak Diterbitkan. Fakulti Pembangunan Sosial & Manusia. UUM. Kedah



- Hussen Roslan (2002). *Peramalan kemasukan Penagih Dadah Wanita ke Pusat Serenti Kemumin, Pengalan Chepa, Kelantan*. Tesis Master Yang Tidak Diterbitkan: Universiti Utara Malaysia.
- Jas Laile Suzana Jaafar (1996). *Psikologi Kanak-Kanak Dan Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laporan Dadah AADK (2009), <http://www.adk.gov.my>. Tarikh Muat Turun 2/06/2010
- Mahmood Nazar Mohamed (2005). *Penyalahgunaan dadah: Aspek rawatan, pemulihan dan pencegahan*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Ma'rof Redzuan dan Haslinda Abdullah (2004). *Psikologi*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Merriam, S.B. (2009). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. San Francisco: John Wiley & Sons, Inc.
- Mohd. Majid Konting (2004), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Sharani Ahmad, Risalshah Latif & Ismail Maakip (2008). *Penyalahgunaan Bahan Terlarang Dalam Kalangan Kanak-Kanak Jalanan Keturunan Filipina di Kota Kinabalu, Sabah*. *Jurnal Antidadah Malaysia*. Jilid 3: No. 4.
- Mahoraini Yusoff (2001), *Penyelidikan Kualitatif : Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*, Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- National Institut Of Drug Abuse. (2000), *Gender Differences In Prevalence Of Drug Abuse Traced To Opportunities To Use*. <http://drugabuse.gov>. Tarikh Muat Turun 20/01/2009.
- National Institut Of Drug Abuse. (2000), *Boys And Girls Encounter Different Drug Offers, Use Different Refusal Strategies*. <http://drugabuse.gov>. Tarikh Muat Turun 20/01/2009.
- Noraini Cinti Mohd Nor (1987), *Profail Psikologi Penagih-Penagih Dadah Secara Berpanjangan*, Projek Penyelidikan Psikologi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noormala Binti Ali, Mohd Sharif Mustafa & Roslee Bin Ahmad (2007) *Pendekatan Temubual Sebagai Metod Kajian Kes: Suatu Persepsi Di Kalangan Pelajar Perempuan Terhadap Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia
- Othman Lebar (2007), *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori Dan Metod*, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim.



Patrick Zickler (2000), Gender In Prevaence Of Drug Traced To Oppotunities To Use, Addiction Jurnal, Volume 15, No.4.

Sapora Sipon & Ruhaya Hussien (2008), *Teori Kaunseling dan Psikoterapi*, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai Negeri Sembilan.

Sabitha Marican, Mahmood Nazar Mohamed & Rosnah Ismail (2007). Trend dan Punca Penggunaan dadah di Kalangan Penagih dadah Wnita di Negeri Sabah: Implikasi kepada Rawatan dan Pemulihan Dadah. *Jurnal Antidadah Malaysia*. Jilid 1: No.2

Sloboda Zili & Bukoski, W.J. (2006). *Drug Abuse Prevention: Theory, Science and Practice*. USA: Springer.

Siti Rawizah Abd Rahman. (2006). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penyalahgunaan Dadah Di Kalangan Wanita*. Tesis Yang Tidak Diterbitkan. Fakulti Pembangunan Sosial Dan Manusia. Universiti Utara Malaysia.

Sidek Mohd Noah (2002). *Rekabentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis*: Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Sidek Mohd Noah (2005). *Pengujian dan Penilaian Dalam kaunseling: Teori dan Aplikasi*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.